



**PANDUAN DAN
PERATURAN-PERATURAN PENTAULIAHAN
PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA
2011**

**PANDUAN PERMOHONAN DAN PENGANJURAN
KURSUS INDUKSI PENTAULIAHAN
PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA
(Pindaan 2022)**

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA,
MALAYSIA**

PANDUAN PERMOHONAN DAN PENGANJURAN **KURSUS INDUKSI PENTAULIAHAN PERSIJILAN MALAYSIA**

1. Objektif

Panduan ini bertujuan memberi maklumat dan memastikan penganjuran Kursus Induksi Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai objektif serta dasar jabatan.

2. Tafsiran

“Agensi” ertinya satu syarikat, institusi latihan awam/swasta, organisasi atau badan persatuan yang didaftarkan secara sah mengikut undang-undang negara atau peraturan pihak berkuasa.

“Penganjur” ertinya mana-mana agensi yang telah berdaftar dengan Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan telah diberi kelulusan untuk menjalankan Kursus Induksi Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia.

“Sesi Penganjuran” ertinya sesi kursus yang melibatkan satu kumpulan peserta (maksima 40 orang) dan penceramah yang diadakan selama satu hingga dua hari.

“Kursus Induksi Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia” ertinya Kursus Induksi Pegawai Penilai - Pegawai Pengesah Dalaman - Pengurus Pusat Bertauliah (PP-PPD-PPB), Kursus Induksi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) dan Kursus Induksi Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

3. Pendaftaran Penganjur

3.1 Permohonan Pendaftaran

Agensi yang berminat menganjurkan Kursus Induksi Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia diwajibkan mendaftar sebagai penganjur berdaftar CIAST dengan mengemukakan Borang Pendaftaran Penganjur Kursus Induksi (PKK/KIP/PJ-00) bersama-sama dokumen

sokongan seperti berikut :

- i. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ; atau
- ii. Salinan pendaftaran persatuan/pertubuhan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia ; dan
- iii. Profil agensi ; atau
- iv. Surat iringan rasmi (agensi kerajaan sahaja)

3.2 Tempoh Sah Pendaftaran

Tempoh sah Penganjur Kursus Induksi bermula dari tarikh pendaftaran diluluskan dan berakhir pada 31 Disember dalam tahun semasa.

3.3 Pembaharuan Pendaftaran

Penganjur Kursus Induksi digalakkan memperbaharui pendaftaran untuk tahun berikutnya dengan mengisi Borang Pendaftaran Penganjur Kursus Induksi (PKK/KIP/PJ-00) sebelum tempoh sah berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

3.4 Penamatan Pendaftaran

JPK pada bila-bila masa berhak menamatkan pendaftaran penganjur sekiranya terdapat sebarang pelanggaran peraturan yang berkuat kuasa.

4. Pelaksanaan Penganjuran Kursus

4.1 Tarikh dan tempat kursus

4.1.1 Penganjur dikehendaki mengemukakan surat permohonan penganjuran **satu (1) bulan sebelum tarikh kursus dijalankan**. Maklumat jenis kursus induksi, tarikh kursus dan alamat tempat kursus perlu dinyatakan dengan tepat.

4.1.2 Penganjuran kursus hanya boleh diadakan pada hari cuti hujung minggu bergantung kepada lokasi negeri berkenaan.

4.1.3 Perubahan tarikh dan tempat kursus selain kelulusan asal perlu mendapat persetujuan bertulis JPK.

4.2 Bilangan peserta tidak boleh melebihi **40 orang** untuk setiap sesi penganjuran bagi menjamin keberkesanan kursus.

4.3 Kelayakan peserta

4.3.1 Peserta bagi semua kursus Induksi Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia hendaklah :-

- a. **Warganegara Malaysia; atau**
- b. **Pemastautin Tetap (PR); dan**
- c. Berumur 18 tahun ke atas.

4.3.2 Peserta Kursus Induksi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) perlu memenuhi syarat tambahan iaitu telah mengikuti Kursus Induksi PP-PPD-PPB dengan jayanya;

4.4 Penganjur perlu memastikan peserta Kursus Induksi Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan seperti perkara 4.3.

4.5 Pihak CIAST akan mengatur penugasan penceramah dikalangan pegawai JPK dan pihak penganjur perlu menghubungi penceramah yang dilantik setelah mendapat surat kelulusan penganjuran dari CIAST.

4.6 JPK berhak membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang tidak memenuhi syarat kelayakan daripada menghadiri kursus serta tiada Sijil Kursus Induksi akan dikeluarkan kepada peserta yang terlibat. JPK tidak bertanggungjawab di atas segala kerugian penganjur dan peserta.

5. Kemudahan

Penganjur perlu menyediakan kemudahan dan bahan kursus seperti berikut;

- a) Bilik kuliah yang sesuai dan selesa untuk 40 orang peserta.
- b) Kemudahan alat pandang dengar.
- c) Nota kursus terkini yang jelas dan mencukupi.
- d) Keperluan lain yang berkaitan (NOSS, Bahan Pembelajaran dan Borang-Borang berkaitan)
- e) Bagi kursus induksi PP-PPT Penganjur perlu menyediakan bahan tambahan

yang mencukupi seperti berikut:

- i. Contoh Portfolio yang lengkap
- ii. Fail kulit keras,
- iii. Salinan Bukti-bukti ketrampilan, Job Profile Chart (JPC) / Competency Profile Chart (CPC), Training Pathway, Rekod Penilaian Kumulatif (RPK), Slip pendaftaran, Slip bayaran dsbnya.

6. Kadar Bayaran Peserta

Pihak pengajur boleh mengenakan yuran kursus dengan kadar tidak melebihi RM350.00 seorang.

7. Kadar Yuran Penganjuran

- 7.1 Kadar yuran untuk setiap penganjuran adalah **RM 3,200.00**.
- 7.2 Penganjur perlu mengemukakan yuran dalam bentuk **Bank Deraf / Kiriman Wang atau Pesanan Tempatan / Local Order (LO) jabatan** atas nama **Pengarah Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST)** semasa mengemukakan permohonan menganjurkan kursus.

8. Kehadiran

- 8.1 Penganjur perlu memastikan peserta datang tepat pada waktu mengikut jadual yang ditetapkan.
- 8.2 Penganjur perlu mengemukakan senarai kehadiran peserta mengikut Borang Senarai Kehadiran (PKK/KIP/PJ-03) kepada pihak CIAST dalam tempoh 7 hari sebelum kursus dilaksanakan.
- 8.3 Sijil kursus hanya akan dikeluarkan kepada peserta yang **menghadiri semua slot kursus induksi** dan **lulus** ujian penilaian bertulis dengan jayanya.

9. Pakaian

Penganjur perlu memaklum dan memastikan peserta agar sentiasa berpakaian kemas dan sopan sepanjang menghadiri kursus induksi.

10. Sijil

- 10.1 Penganjur perlu melengkapkan Borang Biodata Peserta (PKK/KIP/PJ-02-pindaan 1/2015) dan Borang Senarai Pengeluaran Sijil (PKK/KIP/PJ-04) dalam bentuk '*softcopy*' dan '*hardcopy*' untuk tujuan pengeluaran sijil peserta. Borang-borang tersebut perlu diserahkan kepada penceramah dan Unit Kursus Induksi Pentauliahan, CIAST diakhir kursus.
- 10.2 Pihak penganjur diingatkan agar memastikan maklumat peserta kursus yang dikemukakan adalah tepat dan tiada kesilapan. Pihak JPK akan mencetak sijil berdasarkan maklumat tersebut dan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan cetakan sijil peserta.
- 10.3 Penganjur perlu menyerahkan semua sijil yang diterima dari JPK kepada peserta dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan.

11. Tempoh Sah Laku Sijil

Sijil Kursus Induksi sah digunakan (tanpa had masa) bagi tujuan perlantikan jawatan personel perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP) dan Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV).

12. Borang Penilaian Kursus

- 12.1 Penganjur perlu mengedarkan Borang Penilaian Kursus (PKK/KIP/PC-04) kepada setiap peserta.
- 12.2 Penganjur perlu memastikan borang yang telah lengkap diisi oleh peserta diserahkan kepada Unit Kursus Induksi Pentauliahan, CIAST dalam tempoh **satu (1) minggu** selepas kursus diadakan.

13. Tarikh Kuatkuasa

Panduan ini berkuatkuasa mulai 01 Ogos 2022 dan panduan yang terdahulu adalah terbatal.

Permohonan pendaftaran dan penganjukan kursus boleh dikemukakan kepada:

Pengarah

Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST)

Jalan Petani 19/1, Seksyen 19,

Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

(u.p: Unit Kursus Induksi Pentauliahan, Program Kelayakan Kekompetenan)

No. Tel: 03-55438324/8328/8327/8330/8331 No Faks: 03-55438388

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia,

Malaysia